

Kejayaan menangi jawatan Presiden UMNO tanpa bertanding

# PM ikrar laksana amanah

*Utusan Malaysia - 20/7/2004: 1 & 4 Perdana*

Daripada AZIZ ISHAK

**W**ASHINGTON 19 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kejayaannya memenangi jawatan Presiden UMNO tanpa bertanding adalah amanah yang perlu dilaksanakan selain menuntut usaha bersungguh-sungguh menjayakan lagi perjuangan parti demi masa depan bangsa, agama dan negara.

Menurut Abdullah, beliau terharu dan mengucapkan terima kasih atas sokongan ahli-ahli UMNO di semua peringkat terutama menerusi pencalonan bahagian-bahagian yang membolehkannya menyangkai jawatan Presiden setelah memegang jawatan itu sebelum ini.

Dengan sokongan yang begitu kuat dan menyeluruh, beliau yakin ia akan mewujudkan sebuah parti yang mantap dan bersatu bagi memperhebatkan perjuangan UMNO untuk membela rakyat sebagaimana yang dijanjikan semasa pilihan raya umum lalu.

## ● Najib ikrar bantu Abdullah — Muka 2

“Saya bersyukur kerana mendapat sokongan yang kuat dan banyak. Ini adalah amanah yang mesti saya laksanakan dan insya-Allah, saya akan berusaha bersungguh-sungguh supaya perjuangan UMNO dapat dijayakan bersama-sama,” kata beliau kepada wartawan Malaysia ketika menghadiri majlis makan malam anjuran Duta Malaysia ke Amerika Syarikat (AS), Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid di sini malam ini.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan ke AS menyatakan demikian ketika diminta mengulas perkembangan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian yang sehingga semalam memberikan kemenangan tanpa bertanding kepada beliau bagi jawatan Presiden.

Satu-satunya pencabar bagi jawatan itu Tengku Razaleigh Hamzah hanya mampu mendapat satu pencalonan dan berdasarkan kepada bilangan bahagian yang masih belum bersidang adalah mustahil bagi beliau mendapat bilangan pencalonan yang cukup untuk bertanding.

Datuk Seri Najib Tun Razak juga mencapai kejayaan menang tanpa bertanding un-

# PM ikrar laksana amanah

tuk jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Abdullah mendapat 172 pencalonan kecuali Gua Musang, sementara Najib 173, sejak persidangan bahagian bermula 8 Julai lalu.

Menurut Abdullah, dengan menyandang jawatan Presiden UMNO, ia juga dapat membantu memperkuatkan kedudukan beliau sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Beliau turut melahirkan rasa gembira kerana sokongan padu yang diterima daripada ahli-ahli UMNO membolehkan Najib turut menang bagi jawatannya.

Begitu juga katanya, dengan empat jawatan kanan lain yang dimenangi tanpa bertanding iaitu Datuk Seri Rafidah Aziz (Ketua Pergerakan Wanita), Datuk Shahrizat Abdul Jalil (Naib Ketua Wanita), Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Ketua Pergerakan Pemuda) dan Khairy Jamaludin (Naib Ketua Pemuda).

Kata Abdullah, barisan tersebut akan disokong pula oleh barisan kepimpinan yang akan ditentukan kemudian bagi jawatan-jawatan Naib Presiden, Majlis Tertinggi (MT), Exco Wanita, Exco Pemuda dan Ketua Puteri, Naib serta Exco Puteri.

Ditanya tidakkah dengan tiadanya 'lawan' atau pertandingan bagi jawatan utama itu, pemilihan UMNO menjadi sesuatu yang tidak seronok dan kurang menarik bagi ahli-ahli parti, beliau menolak tanggapan sedemikian.

Beliau menarik perhatian bahawa tidak semestinya ada pertandingan itu sesuatu yang menyeronokkan.

Sebaliknya kata beliau, pertandingan kerap menyaksikan suasana yang mendukacitakan kerana yang terlibat melakukan apa yang dilakukan untuk perlawanan seperti kempen tidak sihat, fitnah dan serangan peribadi seolah-olah mahu membunuh orang.

"Itu semua adalah amalan yang tidak baik maka tidak semestinya tiap-tiap perlawanan itu menyeronokkan dan menggembirakan.

Pada majlis itu, Abdullah dikejutkan dengan bacaan doa kesyukuran dan dua kek yang dihadiahkan oleh para pegawai Kementerian Luar.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang turut hadir pada majlis tersebut bagi pihak majlis mengucapkan tahniah kepada Abdullah kerana menang tanpa bertanding bagi jawatan tersebut.

Doa kesyukuran pada majlis itu dibacakan oleh seorang pegawai kementerian Luar, Mohd. Nor Isa yang bertugas di Washington. Abdullah yang kelihatan ceria dan tenang kemudian memadamkan nyalaan lilin pada kek itu dengan caranya sendiri iaitu secara hayunan tangan.— *Utusan*